

Jho Low sudah lama kenal Najib

Saksi dakwa kali pertama bertemu ahli perniagaan pada 2007, nafi bantu dapatkan projek Iskandar

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali,
Siti Nurazlinee Azmi dan
Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ahli perniagaan dalam buruan, Jho Low atau nama sebenarnya Low Taek Jho, sudah mengenali Datuk Seri Najib Razak sebelum bertemu dengan pegawai khas bekas perdana menteri itu.

Bekas Pegawai Khas Datuk Seri Najib Razak, Datuk Amhari Efendi Nazarudin, ketika menceritakan pertemuan dengan ahli perniagaan itu, berkata beliau pertama kali bertemu Jho Low di Pulau Pinang pada 2007.

Saksi kelapan pendakwaan itu berkata, pada pertemuan pertama itu, Jho Low memberitahunya yang beliau (Jho Low) mengenali Najib dan keluarganya.

“Kali pertama saya jumpa Jho, beliau sangat aktif bercakap mengenai Najib atau keluarganya... Ia menunjukkan beliau mengenali Najib sudah lama,” katanya pada prosiding yang memasuki hari keenam semalam.

Amhari Efendi yang menjawab

soalan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pada sesi pemeriksaan balas, tidak bersetuju dengan cadangan peguam itu bahawa beliau (saksi) mengenali Jho Low setahun sebelumnya (pada 2006).

Saksi itu turut menafikan bahawa beliau membantu Jho Low dalam projek Iskandar Malaysia sejak pertemuan itu.

Amhari Efendi juga tidak bersetuju cadangan Muhammad Shafee bahawa Jho Low yang mencadangkan beliau memohon untuk menjadi pegawai khas Najib.

Katanya, beliau memang mempunyai keinginan untuk bekerja di bawah bekas perdana menteri itu.

Menceritakan bagaimana boleh menjadi pegawai khas Najib, Amhari Efendi berkata beliau dihubungi pegawai khas Najib, Datuk Wan Ahmad Shihab Ismail Wan Ismail, mengenai kekosongan jawatan pegawai khas perdana menteri itu.

Amhari Efendi bagaimanapun tidak bersetuju dengan cadangan peguam bahawa Jho Low yang mencadangkan namanya ke Pejabat Perdana Menteri bagi jawatan itu.

“Bagaimanapun, sebelum diserap masuk, pada beberapa bulan sebelumnya saya ada menghubungi Datuk Wan Shihab.

“Saya hubungi beliau untuk bertanya sama ada perdana menteri (Najib) memerlukan pegawai khas, tetapi saya diberitahu tiada pengambilan dan sekiranya ada, beliau akan hubungi saya semula,” katanya.

Beliau berkata, beberapa bulan



Najib hadir pada perbincangan kes 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Hafiz Sohaimi /BH)

kemudian, Wan Shihab menghubunginya dan memberitahu bahawa pejabat perdana menteri memerlukan pegawai khas.

Katanya, beliau mengenali Wan Shihab melalui kerja-kerja dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan mereka bukan bekas rakan sekolah.

Muhammad Shafee: Kamu yang menghubunginya dulu untuk bertanya sama ada terdapat kekosongan jawatan?

Amhari Efendi: Ya

Muhammad Shafee: Apabila

kamu beritahu, Jho Low berkata, “Bro, saya dengar kamu di Pejabat PMO... Tahniah dan kita akan berhubungan” melalui pesanan ringkas pada September 2008 dan ia adalah kerana beliau (Jho Low) mengetahui atau mengatur kedudukan kamu di PMO?

Amhari: Saya tidak setuju

Sementara itu, Amhari Efendi mengakui, beliau tidak mengetahui tindakannya yang tidak mengisytiharkan pinjaman berjumlah AS\$200,000 daripada Jho Low adalah satu kesalahan.

Dalam keterangan pada minggu lalu, Amhari Efendi memberitahu Mahkamah Tinggi, Jho Low memberikan pinjaman AS\$200,000 kepadanya bagi membantu beliau membeli sebuah rumah berharga RM1.85 juta pada 2010.

Dalam keterangannya, Amhari Efendi berkata, ketika itu beliau cuba mendapatkan bantuan daripada ramai pihak termasuk Jho Low dan hanya ahli perniagaan itu yang membantunya memberikan pinjaman untuk membeli sebuah rumah di Kota Damansara.

Muhammad Shafee: Kamu tidak isytihar pinjaman itu kepada kerajaan?

Amhari: Tidak

Muhammad Shafee: Adakah kamu tahu bahawa menjadi satu kesalahan sekiranya tidak isytiharkannya?

Amhari: Saya tidak tahu.

Muhammad Shafee kemudian meminta Amhari Efendi mengemukakan dokumen berkaitan pinjaman itu, bagaimanapun saksi itu berkata ia dirampas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Muhammad Shafee kemudian mencadangkan kepada saksi bahawa beliau boleh meminta daripada bank untuk mendapatkan dokumen berkaitan transaksi jika beliau (saksi) seorang pemegang akaun.

Amhari Efendi berkata, beliau akan cuba mendapatkan dokumen berkenaan.